

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 3/1981

JAWATANKUASA PEMILIHAN TAPAK BAGI PENGAMBILAN TANAH DI PERINGKAT JAJAHAN

Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri yang bersidang pada 3hb. November 1980 telah mengarahkan supaya diperingkat tiap-tiap jajahan ditubuhkan satu Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pemilihan Tapak bagi pengambilan tanah. Tugas Jawatankuasa ini di antara lain-lain ialah menimbangkan dan memutuskan pemilihan tapak bagi satu-satu projek pembangunan setelah dibincangkan kesesuaian tapak tersebut dari segala segi termasuk segi teknik, sosial, ekonomi dan politik. Adalah diharapkan penubuhan Jawatankuasa ini akan dapat mempercepatkan lagi proses pengambilan tanah.

2. Keanggotaan Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada ahli-ahli seperti berikut :-

| | | |
|--|---|------------|
| Ketua Jajahan | - | Pengerusi |
| YB. Wakil Rakyat yang berkenaan (Parlimen dan Dewan Negeri) | - | Ahli |
| Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri / wakilnya | - | Ahli |
| Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri / Wakilnya | - | Ahli |
| Ketua Jajahan yang memohon | - | Ahli |
| Penolong Ketua Jajahan I | - | Setiausaha |

Ketua Jabatan, selaku Pengerusi bolehlah jua menjemput hadir mana-mana Ketua Jabatan / Ajensi lain yang difikirkan perlu untuk menolong jawatankuasa dalam masalah pemilihan satu-satu tapak.

3. Pemilihan tapak yang perlu dibincang dan diputuskan oleh Jawatankuasa ini ialah bagi semua tapak projek pembangunan melainkan tapak projek parit dan talair dan projek jalanraya yang mana hanya perlu dibuat keputusan setelah dibincangkan dengan YB. Wakil Rakyat kawasan yang berkenaan. Bagi projek jalanraya pandangan daripada Pengarah Perancangan Bandar dan Desa Negeri adalah diperlukan.
4. Semua Pemungut Hasil Tanah adalah dengan ini dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa sebagaimana tersebut dalam perenggan 2 diatas. Adalah jua diingatkan disini iaitu segala tindakan untuk pengambilan tanah hendaklah diambil dengan secara sulit sebelum ianya diisytiharkan didalam Warta Kerajaan.

Saya yang menurut perintah,

t.t

(AB. HAMID BIN HJ.ABU BAKAR)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN,
BLOK 3, TKT. BAWAH KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL : P.T.G. (K.N) 7060/JLD.4/(52)
BERTARIKH : 12HB. MEI 1981**

